



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 15 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	MAFI PERKASA KOMUNITI AGROMAKANAN DI KELANTAN, MSN -ONLINE MAFI AGIH LEBIH RM1 JUTA BANTU 168 PETANI, HAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	CUBA BAWA KELUAR SARANG BURUNG 40KG GAGAL DI KLIA, NEGARA, KOSMO -16 MAQIS RAMPAS 40KG SARANG BURUNG BERNILAI RM240,000, NEGERI SELANGOR, SH -26	JABATAN PERKHIDMATAN KUANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	IKAN DIJANGKA LAGI MAHAL, NASIONAL, BH -26	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2022	MSN	ONLINE	

## MAFI perkasa komuniti agromakanan di Kelantan

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan lebih RM1 juta bagi membantu memperkasakan komuniti agromakanan luar bandar di Kelantan.



Nik Muhammad Zawawi© Provided by Sinar Harian

Timbalannya, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, peruntukan yang disalurkan melalui program Semarak Tani itu sekali gus meningkatkan pengeluaran makanan negara selain meningkatkan ekonomi petani.

"Separuh daripadanya diberikan kepada petani muda menerusi bantuan geran Agropreneur Muda membabitkan 25 peserta dengan nilai keseluruhan

sebanyak RM500,000.

"Bantuan geran pepadanan sebanyak RM411,000 untuk 31 peserta terpilih selain bantuan Program Rezeki Tani sebanyak RM160,000," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Semarak Tani di Bandar Baru Pasir Puteh, di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Kamaruddin Md Nor dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Norbahani Zakaria.

Nik Muhammad Zawawi yang juga penyandang kerusi Parlimen Pasir Puteh berkata, kesemua peruntukan disalurkan menerusi KADA sebagai salah satu agensi di bawah MAFI.

Beliau memaklumkan peruntukan itu bagi menyemarakkan lagi semangat petani dalam peningkatan hasil melalui teknologi-teknologi yang ada.

"Ini bagi memastikan hasrat kerajaan nak capai tahap sara diri (SSL) yang mencukupi untuk bekalan makanan negara. Malah kalau boleh mampu eksport ke luar negara," katanya.

Pelbagai bantuan lain turut diberikan kepada petani khususnya di musim tengkujuh antaranya bantuan berjumlah RM164,106 kepada 71 pesawah yang terjejas akibat ribut.

"Keprihatinan kementerian meliputi semua aspek kebajikan buat petani dan nelayan yang menjadi barisan hadapan dalam menyediakan sumber bekalan makanan kepada negara.

"Peruntukan ini tidak tetap dan berubah-ubah mengikut keperluan dan keadaan semasa petani dan nelayan," jelas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## MAFI agih lebih RM1 juta bantu 168 petani



**PASIR PUTEH:** Lebih RM1 juta diperuntukan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membantu 168 golongan sasar di Kelantan tahun ini.

Timbalan Menteri II MAFI, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, bantuan itu membolehkan program Agropreneur Muda seramai 25 peserta dan Geran Pematangan Change Upgrade Product (31

peserta).

Selain itu bantuan Rezeki Tani melibatkan 16 peserta serta bantuan kepada 71 pesawah, di mana tanaman mereka seluas lebih 91 hektar terjejas akibat ribut.

"Bantuan itu diagih menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Semarak Tani di Bandar Baru Tok Janggut di sini, hari ini.

Hadir sama Pengerusi KADA Dato' Kamarudin Md Nor dan lebih 300 penduduk yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti termasuk Karnival My Best Buy Keluarga Malaysia, Kenduri Rakyat dan Sukan Rakyat diadakan selama tiga hari.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga calon PERIKATAN NASIONAL Parlimen Pasir Puteh berkata, program berkenaan bertujuan memperkasakan komuniti agromakanan luar bandar.

Selain itu katanya bagi menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus.

"Ia juga bertujuan untuk meningkatkan semangat petani agar lebih gigih berusaha mengeluarkan bekalan makanan negara dan meningkatkan ekonomi dalam kalangan pengusaha kecil pertanian," ujarnya. – HARAKAHDAILY

# Cuba bawa keluar sarang burung 40kg gagal di KLIA

**SEKANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa keluar sarang burung bernilai lebih RM240,000 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) di sini, Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pihaknya telah berjaya menyita sarang burung seberat 40 kilogram itu yang cuba dibawa keluar oleh seorang individu warga Vietnam.

"Sarang burung tersebut ditakkan di dalam dua buah begasi



**ANGGOTA Maqis berjaya mematahkan cubaan membawa keluar dua begasi mengandungi sarang burung bernilai lebih RM240,000 melalui KLIA2 Sabtu lalu. - IHSAN MAQIS SELANGOR**



Kesemua sarang burung tersebut telah disita oleh Maqis kerana didapati tidak mempunyai permit eksport serta sijil kesihatan veterinar yang sah."

berasingan dan dipercayai untuk dibawa keluar ke Vietnam bagi tujuan perniagaan, namun tindakan individu itu telah berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas Kastam.

"Kesemua sarang burung tersebut telah disita oleh Maqis

kerana didapati tidak mempunyai permit eksport serta sijil kesihatan veterinar yang sah," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah beliau, perbuatan mengeksport hasil haiwan tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (2), Akta Perkhidmatan Kuarantin & Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), Akta sama.

"Jika disabit kesalahan, pelaku boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," tegas beliau.

## Maqis rampas 40kg sarang burung bernilai RM240,000

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan menyeludup keluar sarang burung seberat 40 kilogram (kg) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), di sini pada Sabtu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, sarang burung dianggarkan bernilai RM 240,000 berkenaan cuba diseludup keluar oleh seorang warga Vietnam dipercayai bagi tujuan perniagaan.

"Sarang burung tersebut dikesan menggunakan mesin pengimbas diletakkan di dalam dua buah bagasi berasingan dan dipercayai untuk dibawa keluar ke Vietnam bagi tujuan perniagaan.

"Sarang burung berkenaan telah disita kerana tidak mempunyai permit eksport serta sijil kesihatan veterinar yang sah," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Mohd Sobri berkata, perbuatan mengeksport hasil haiwan tanpa permit adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

FOTO: MAQIS SELANGOR



**Sebanyak 40kg sarang burung cuba diseludup seorang warga Vietnam berjaya dirampas.**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	26

# Ikan dijangka lagi mahal

## Jumlah pendaratan merosot akibat musim tengkujuh

Oleh Shaiful Shahrin  
Ahmad Pauzi  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Gantang:** Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM) men-jangkakan harga ikan meningkat sekurang-kurangnya dua kali ganda berikutan jumlah pendara-tan yang direkodkan di beberapa kawasan mula merosot akibat musim tengkujuh.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata penyusutan penda-ratan ikan ketika ini sebabkan harga ikan di pasar mula mening-kat.

“Setakat ini memang ada be-berapa kawasan yang terjejas dan harga ikan juga berlaku peningka-tan di pasaran, namun terkawal.

“Buat masa ini harga ikan masih terkawal dan kita akan mengeluarkan stok ikan sejuk beku untuk menstabilkan pasa-ran jika musim tengkujuh mula berlaku di Pantai Timur,” katanya ditemui media selepas program Pertandingan Memancing Ke-lubong Challenge 2.0, kelmari.

### Buat simpanan ikan

Syed Abu Hussin berkata, bi-asanya harga ikan akan kema-bali terkawal selepas tamat mu-sim tengkujuh iaitu pada Mei hingga Oktober.

“LKIM menjangkakan musim tengkujuh yang melanda kini akan berlarutan hingga bulan Mac 2023.

“Pada Mei hingga Oktober ada-lah musim pendaratan ikan yang banyak dan LKIM akan membuat simpanan ikan sejuk beku untuk stok masa depan,” katanya.

Bagi mengatasi masalah ke-kurangan bekalan ikan, LKIM akan meningkatkan import ikan sejuk beku selain galak rakyat ma-kan ikan darat atau ternak.